



KENYATAAN MEDIA

SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN (EAIC)

LAPORAN SIASATAN EAIC KETIDAKPATUHAN TERHADAP PROSEDUR KEMASUKAN WARGA ASING OLEH JIM

UNTUK SIARAN SEGERA
4 JULAI 2025

EAIC telah menerima aduan terhadap pegawai Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) yang didakwa tidak mematuhi prosedur yang ditetapkan berhubung kebenaran masuk warga Ghana ke negara ini melalui Pejabat Imigresen Bukit Kayu Hitam, Kedah pada 18 November 2024. Siasatan ini dijalankan berdasarkan kepada aduan yang diterima mengikut subseksyen 27(4) Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 [Akta 700].

HASIL SIASATAN

Siasatan mendapati pegawai terbabit telah melanggar perenggan 4.1 Pekeliling Imigresen Malaysia (PIM) Bil. 19 Tahun 2002 yang menyatakan bahawa pemegang passport negara-negara Afrika hanya dibenarkan masuk ke Malaysia melalui pintu udara sahaja.

Sehubungan itu, EAIC memutuskan untuk merujuk kes ini kepada Pihak Berkuasa Tatatertib JIM dengan syor hukuman tatatertib terhadap pegawai terbabit di bawah Peraturan 38, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [P.U. (A) 395/1993], susulan kesalahan ingkar perintah sebagaimana diperuntukkan di bawah Peraturan 4(2)(i) peraturan yang sama.

#TAMAT#

SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN (EAIC)
PUTRAJAYA